

HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK	Etiqa General Insurance Berhad (“Kami”)
Baca Helaiian Pendedahan Produk ini sebelum anda memutuskan untuk menyertai Khas Perlindungan Kemalangan Kereta . Pastikan juga anda membaca terma-terma dan syarat-syarat am.	Khas Perlindungan Kemalangan Kereta Tarikh : 01/03/2024

1. Apakah produk ini?

Produk ini merupakan pelan kemalangan diri yang direka khas untuk melindungi pemandu dan penumpang-penumpang dari kemalangan jalan raya semasa dalam perjalanan dengan kenderaan persendirian.

2. Apakah perlindungan/manfaat yang diberi?

Berikut adalah manfaat-manfaat Khas Perlindungan Kemalangan Kereta:

No	Manfaat-manfaat	Pelan 1 (RM)
1	Kematian akibat kemalangan	20,000
2	Kehilangan upaya kekal	Sehingga 20,000
3	Perbelanjaan perubatan	Sehingga 500
4	Perkhidmatan Auto Assist	*Sila rujuk kepada jadual polisi anda untuk maklumat manfaat lebih lanjut.

Nota:

- Tempoh perlindungan adalah satu (1) tahun. Anda perlu memperbaharui polisi insurans setiap tahun.
- Sila rujuk kontrak polisi untuk maklumat lanjut berkenaan manfaat-manfaat di atas.
- Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi kami atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

3. Berapakah premium yang perlu saya bayar?

No	Tempat Duduk (termasuk pemandu)	Pelan 1 (RM)
1	5 tempat duduk	65.00
2	7 tempat duduk	83.00

Semua premium (jika terpakai) akan tertakluk kepada caj-caj atau cukai-cukai yang berkenaan, sebagaimana yang dianggap perlu oleh pihak berkuasa cukai Malaysia. Adalah penting untuk anda menyimpan apa-apa resit yang anda terima sebagai bukti pembayaran premium.

4. Apakah fi dan caj yang perlu saya bayar?

Jenis	Amaun
Diskaun diberi kepada pelanggan	10% daripada premium
Cukai Perkhidmatan	8% daripada premium
Duti Setem	RM10.00

5. Apakah terma-terma dan syarat-syarat penting yang perlu saya ketahui?
Kepentingan pendedahan

- Menurut Perenggan 5 daripada Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, jika anda memohon insurans ini sepenuhnya untuk tujuan yang tidak berkaitan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda mempunyai kewajipan untuk mengambil langkah yang munasabah untuk tidak salah nyata dalam menjawab soalan-soalan di dalam Borang Permohonan (atau semasa memohon insurans ini). Anda dikehendaki menjawab soalan-soalan dalam Borang Permohonan ini dengan lengkap dan tepat.
- Kegagalan untuk mengambil langkah yang munasabah dalam menjawab soalan-soalan, mungkin mengakibatkan pembatalan kontrak insurans anda, keengganan atau pengurangan gantirugi, perubahan terma atau penamatan kontrak insurans anda.
- Kewajipan pendedahan diatas hendaklah diteruskan sehingga kontrak insurans anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami.
- Sebagai tambahan kepada soalan-soalan di dalam Borang Permohonan (atau semasa memohon insurans ini), anda dikehendaki untuk mendedahkan apa-apa perkara lain yang anda tahu akan mempengaruhi keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan.
- Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans anda ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan kami (atau semasa permohonan insurans ini), apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam Borang Permohonan tidak tepat atau sudah berubah.

Had-had Khas - Penumpang-penumpang melebihi enam belas (16) tahun dilindungi 100% oleh manfaat insurans. Penumpang-penumpang yang berumur di antara tiga (3) dan enam belas (16) tahun berhak menerima 50% daripada semua manfaat yang disediakan. Tiada perlindungan diberi kepada kanak-kanak berumur kurang daripada tiga (3) tahun. Dalam keadaan di mana jumlah penumpang sebenarnya melebihi jumlah yang dinyatakan dalam pengakuan polisi, had liabiliti kami untuk seorang akan dikurangkan mengikut nisbah jumlah penumpang sebenarnya yang diaku. Had ini tidak diterimapakai kepada pemandu.

Bayaran Sebelum Perlindungan (CBC) – premium hendaklah dibayar kepada kami sebelum tarikh perlindungan polisi dikuatkuasakan.

Tuntutan – jika berlaku kemalangan yang membawa kepada tuntutan, anda hendaklah memberitahu kami dalam masa tiga puluh (30) hari

daripada tarikh kemalangan itu berlaku.

Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk kontrak polisi untuk senarai lengkap terma-terma dan syarat-syarat.

6. Apakah pengecualian-pengecualian utama di bawah polisi ini?

- a. Melakukan sebarang perbuatan yang menyalahi undang-undang;
- b. Komplikasi kehamilan, bersalin, keguguran (kecuali keguguran disebabkan kemalangan) atau pengguguran anak;
- c. Membunuh diri, mencederakan diri sendiri dengan sengaja, pembunuhan atau serangan yang didorong/akibat provokasi;
- d. Dibawah pengaruh dadah, narkotik atau alkohol;
- e. AIDS atau kehadiran sebarang HIV;
- f. Keuzuran, penyakit, parasit, bakteria, atau jangkitan kuman ('antrax'), bakteria berjangkit, keracunan darah;
- g. Sebarang kecacatan fizikal atau kelemahan yang sedia-ada;
- h. Sebarang tindakan perang, mogok, rusuhan atau kekecohan awam, tindakan keganasan, kontaminasi radioaktif atau nuklear;
- i. Kemalangan berlaku ketika menaiki atau turun dari kenderaan orang yang diinsuranskan;

Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk kontrak polisi untuk senarai penuh pengecualian-pengecualian

7. Bolehkah saya membatalkan polisi saya?

Anda boleh membatalkan polisi dengan memberi notis bertulis kepada kami. Atas pembatalan tersebut, anda boleh mendapat kembali sebahagian premium anda dengan syarat tiada tuntutan telah dibuat sepanjang tempoh insurans.

8. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya terdapat perubahan maklumat perhubungan?

Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada kami tentang sebarang perubahan maklumat perhubungan bagi memastikan semua komunikasi sampai kepada anda tepat pada masanya.

9. Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami melalui e-mel di info@etiqa.com.my, dengan menghubungi Etiqa Online 1300 13 8888 atau +603 2297 3888, melalui faksimile ke +603 2297 3800, atau secara pos ke Etiqa General Insurance Berhad (197001000276), (Dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia), Aras 13, Menara B, Dataran Maybank, No 1, Jalan Maarof, 59000 Kuala Lumpur atau melayari laman utama kami di www.etiqa.com.my.

Jika anda mempunyai aduan, pertikaian atau maklum balas berkaitan permohonan ini, sila hubungi unit aduan kami melalui e-mel di complaint_cmu@etiqa.com.my, dengan menghubungi 1300 13 8888 dari Malaysia atau +603 2780 4500 dari luar negara, melalui faksimile ke +603 2297 1919, atau secara pos ke Unit Pengurusan Aduan, Aras 6, Menara B, Dataran Maybank, No 1 Jalan Maarof, 59000 Kuala Lumpur.

Jika anda tidak berpuas hati dengan cara pengendalian kami, anda boleh merujuk kepada Bank Negara Malaysia melalui e-mel di bnmlink@bnm.gov.my, dengan menghubungi 1300 88 5465, melalui faksimile kepada +603 2174 1515, atau secara pos kepada Pengarah, Jabatan LINK & Pejabat Wilayah, Bank Negara Malaysia, Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur.

Jika anda mempertikaikan keputusan yang telah dibuat oleh kami, anda boleh merujuk kepada Ombudsman Perkhidmatan Kewangan melalui e-mel di enquiry@ofs.org.my, melalui faksimile di +603 2272 1577 atau secara pos kepada Ketua Pegawai Eksekutif, Ombudsman Perkhidmatan Kewangan (Dahulu dikenali sebagai Biro Pengantaraan Kewangan) Tingkat 14, Blok Utama, Menara Takaful Malaysia, No 4, Jalan Sultan Sulaiman, 50000 Kuala Lumpur.

10. Lain-lain jenis perlindungan insurans kemalangan diri yang boleh didapati

Sila rujuk kepada cawangan kami untuk jenis perlindungan serupa yang ditawarkan.

NOTA PENTING:

ANDA DINASIHATKAN MERUJUK SKALA MANFAAT UNTUK KEMATIAN DAN HILANG UPAYA DI DALAM POLISI ANDA. ANDA MESTI MELANTIK PENAMA DAN MEMASTIKAN PENAMA ANDA MENGETAHUI TENTANG POLISI INSURANS KEMALANGAN DIRI YANG TELAH ANDA BELI. ANDA MESTI MEMBACA, MEMAHAMI DAN BERBINCANG DENGAN EJEN ATAU HUBUNGI KAMI UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

Maklumat yang disediakan di dalam helaian pendedahan ini adalah sah pada 01/03/2024.